

24 NOV 1999

MASYARAKAT TELUGU AKAN SOKONG BARISAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Persatuan Telugu Malaysia, yang mempunyai keanggotaan seramai lebih kurang 300,000 orang hari ini menyatakan sokongan tanpa berbelah bahagi mereka kepada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kali ini.

Presidennya Paul Naidu berkata, melalui MIC, anggota-anggotanya sentiasa menyokong kerajaan BN.

"Negara kita telah menikmati kadar pertumbuhan yang mengagumkan, keamanan dan keharmonian di bawah kepimpinan BN," kata beliau dalam surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Satu salinan surat itu difaks kepada BERNAMA, di sini.

Beliau berkata, persatuan itu akan memotivasi seluruh masyarakat Telegu dan mahu anggota-anggotanya keluar beramai-ramai pada hari pengundian pada 29 November ini.

"Kita akan menggerakkan cawangan-cawangan kita di pantai barat Semenanjung untuk membawa pengundi ke pusat-pusat pengundian pada hari pilihan raya," kata beliau dalam kenyataan itu.

-- BERNAMA

RV PR